



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Soalan Lazim (FAQ)
Program Subsidi Petrol Bagi Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH)

Bil.	Soalan	Jawapan
Latar Belakang Program		
1.	Apakah Program Subsidi Petrol?	<p>Program Subsidi Petrol adalah inisiatif Kerajaan untuk meringankan beban isirumah berpendapatan rendah melalui pengagihan semula subsidi petrol. Ia adalah satu bentuk bantuan kewangan untuk membantu rakyat membiayai sebahagian kos penggunaan petrolnya.</p> <p>Prinsip bantuan yang hendak disampaikan oleh Kerajaan ialah melalui pengagihan semula subsidi yang saksama (<i>equitable redistribution</i>) dan dasar berpandukan data (<i>data driven policy</i>). Subsidi petrol sedia ada secara pukal yang dinikmati oleh semua orang tanpa mengira kerakyatan dan pendapatan akan diubah kepada golongan sasaran yang layak, iaitu warganegara Malaysia yang sangat memerlukan bantuan tersebut.</p>
2.	Kenapa perlu ada Program Subsidi Petrol?	<p>Pada masa ini, harga jualan runcit petrol RON95 yang dinikmati oleh orang ramai adalah dengan subsidi Kerajaan. Ini bermakna setiap liter petrol RON95 yang dibeli, Kerajaan membiayai subsidi supaya harga yang dibayar adalah pada kadar yang rendah, iaitu RM2.08 seliter. Harga sebenar bagi petrol RON95 adalah lebih tinggi dan sentiasa berubah mengikut pasaran.</p> <p>Subsidi pukal juga dinikmati oleh mereka yang tidak layak seperti warganegara asing, kumpulan berpendapatan tinggi dan syarikat-syarikat komersial.</p> <p>Kerajaan ingin membetulkan keadaan yang tidak seimbang ini melalui pengagihan semula subsidi yang saksama dengan memperkenalkan PSP</p>

Bil.	Soalan	Jawapan
		<p>khasnya kepada golongan yang berpendapatan rendah.</p> <p>Secara amnya, PSP adalah untuk mencapai objektif berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mencapai UN <i>Sustainable Development Goal</i> ke-12: Penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab; 2. Mengurangkan impak kepada kos sara hidup dan membantu terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah; 3. Mengurangkan ketirisan subsidi petrol; 4. Mengurangkan beban fiskal; 5. Menggalakkan perubahan tingkah laku oleh pengguna seperti penggunaan petrol yang cekap, penggunaan pengangkutan awam dan menggalakkan tabungan.
Kriteria Kelayakan		
3.	Adakah saya layak menyertai Program Subsidi Petrol?	<p>Anda layak jika anda memenuhi kriteria berikut:</p> <p>a) Bagi PSP Penerima BSH</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Merupakan penerima BSH beralamat di Semenanjung Malaysia sahaja; 2. Memiliki kenderaan persendirian yang berdaftar dan mempunyai Lesen Kenderaan Motor yang masih sah; 3. Had pemilikan kenderaan individu adalah 2 buah kereta dan 2 buah motosikal; dan 4. Kelayakan berdasarkan kepada salah satu kriteria kapasiti enjin kenderaan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Kereta \leq 1,600cc ii. Kereta $>$ 1,600cc dan berumur \geq 10 tahun iii. Motosikal \leq 150cc iv. Motosikal $>$ 150cc dan berumur \geq 7 tahun. <p>b) Bagi PSP Selain Penerima BSH Maklumat lanjut mengenai PSP selain Penerima BSH akan dimaklumkan kemudian.</p>
4.	Apakah asas penetapan kriteria penerima?	Salah satu objektif Program Subsidi Petrol adalah untuk mengurangkan kos sara hidup bagi isirumah berpendapatan rendah.

Bil.	Soalan	Jawapan
		<p>Golongan berpendapatan rendah yang menerima BSH iaitu pendapatan isirumah RM4,000 dan ke bawah, golongan OKU yang berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan memiliki kenderaan dikenal pasti sebagai golongan yang layak menerima subsidi petrol.</p> <p>Penetapan had pendapatan dan pemilikan kenderaan diperlukan untuk meminimumkan ketirisan dan memastikan Kerajaan kekal bertanggungjawab dan berhemat dalam pengurusan fiskal negara.</p>
5.	<p>Saya adalah penerima BSH dan memiliki kereta yang mempunyai kapasiti enjin melebihi 1,600cc. Adakah saya layak?</p>	<p>Sekiranya usia kereta adalah kurang daripada 10 tahun, anda tidak layak menerima subsidi petrol. Namun, jika usia kereta adalah 10 tahun dan ke atas anda layak.</p>
6.	<p>Saya adalah penerima BSH dan memiliki motosikal dengan kapasiti enjin melebihi 150cc. Adakah saya layak?</p>	<p>Sekiranya usia motosikal adalah kurang daripada 7 tahun, anda tidak layak menerima subsidi petrol. Namun, jika usia motosikal adalah 7 tahun dan ke atas anda layak.</p>
7.	<p>Bila dan bagaimanakah saya akan menerima subsidi petrol?</p>	<p>Program Subsidi Petrol bermula pada 1 Januari 2020 dan bayaran akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima pada April 2020 (Fasa 1), Ogos 2020 (Fasa 2) dan Disember 2020 (Fasa 3).</p>
8.	<p>Saya adalah penerima yang layak. Tetapi saya tidak mempunyai akaun bank. Bagaimanakah saya boleh menerima subsidi saya?</p>	<p>Penerima disaran untuk membuka akaun bank dan mengemas kini maklumat tersebut dalam portal di psp.kpdnhep.gov.my bermula 15 Oktober 2019 sehingga 30 November 2019. Bantuan tunai akan dikreditkan ke dalam nombor akaun yang didaftarkan.</p>
9.	<p>Berapakah jumlah subsidi yang akan saya terima?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar subsidi adalah sebanyak RM30 sebulan bagi pemilik kereta atau RM12 sebulan bagi pemilik motosikal, terhad kepada salah satu kadar yang lebih tinggi. • Individu yang mempunyai lebih daripada satu kenderaan hanya layak menerima subsidi untuk satu kenderaan sahaja mengikut kadar yang lebih tinggi.

Bil.	Soalan	Jawapan
		<ul style="list-style-type: none"> Sebagai contoh, seorang bapa yang memiliki dua kereta dan dua motosikal untuk kegunaan isteri dan anak-anaknya hanya layak menerima bantuan subsidi petrol maksimum RM30 sebulan. Bagi individu yang memiliki dua motosikal hanya layak menerima bantuan subsidi petrol maksimum RM12 sebulan.
10.	Kereta/motor saya tidak ada cukai jalan. Adakah saya layak menerima subsidi?	Anda layak menerima subsidi petrol jika kenderaan anda mempunyai cukai jalan yang sah dan belum tamat tempohnya.
11.	Saya adalah OKU/pesara. Adakah saya layak mendapat subsidi petrol?	<p>a) OKU Layak jika anda berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan memiliki kenderaan mengikut kriteria yang ditetapkan.</p> <p>Tidak layak bagi OKU yang memiliki kenderaan mewah. (Senarai panjang kenderaan jenama mewah akan diumumkan).</p> <p>b) PESARA Layak jika anda adalah penerima BSH dan memiliki kenderaan mengikut kriteria yang ditetapkan.</p>
12.	Saya adalah penerima BSH tetapi tidak mempunyai kenderaan. Adakah saya layak?	Subsidi petrol ini dikhususkan kepada penerima BSH yang memiliki kenderaan mengikut kriteria yang telah ditetapkan.

Bil.	Soalan	Jawapan																			
13.	<p>Kenapa subsidi petrol dihadkan pada RM30 sebulan untuk kereta dan RM12 sebulan untuk motosikal?</p>	<p>Penentuan kuota bulanan subsidi petrol sebanyak 100 liter sebulan bagi pengguna kereta dan 40 liter sebulan bagi motosikal adalah berpandukan kepada kajian jarak perjalanan yang lazim ke tempat kerja dan keperluan harian sejauh 1,500 kilometer sebulan atau 50 kilometer sehari. Kadar subsidi yang telah ditetapkan bagi kedua-dua jenis kenderaan ialah sebanyak RM0.30 seliter, iaitu julat kadar subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan melalui subsidi pukal pada masa ini.</p> <p>Prestasi enjin bagi model kereta dan motor di Malaysia pada masa ini adalah seperti berikut:</p> <p>Kereta → 1 liter = 15 km. Untuk tempoh sebulan 1,500km/15 km = 100 liter</p> <p>Motor → 1 liter = 37.5 km Untuk tempoh sebulan 1,500km/37.5 km = 40 liter</p> <p>Contoh model kenderaan</p> <table border="1" data-bbox="715 1122 1369 1451"> <thead> <tr> <th>Kenderaan</th> <th>Model Kenderaan</th> <th>Kadar Penggunaan Petrol</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="4">Motosikal</td> <td>SYM Sport Rider 125i</td> <td>55 km/liter</td> </tr> <tr> <td>Honda Wave</td> <td>53 km/liter</td> </tr> <tr> <td>Modenas Kris MR2</td> <td>48 km/liter</td> </tr> <tr> <td>Modenas CT115s</td> <td>46.73km/liter</td> </tr> <tr> <td rowspan="3">Kereta</td> <td>Perodua Axia</td> <td>21.6 km/liter</td> </tr> <tr> <td>Perodua Myvi</td> <td>20.5 km/liter</td> </tr> <tr> <td>Proton Saga</td> <td>17.86 km/liter</td> </tr> </tbody> </table>	Kenderaan	Model Kenderaan	Kadar Penggunaan Petrol	Motosikal	SYM Sport Rider 125i	55 km/liter	Honda Wave	53 km/liter	Modenas Kris MR2	48 km/liter	Modenas CT115s	46.73km/liter	Kereta	Perodua Axia	21.6 km/liter	Perodua Myvi	20.5 km/liter	Proton Saga	17.86 km/liter
Kenderaan	Model Kenderaan	Kadar Penggunaan Petrol																			
Motosikal	SYM Sport Rider 125i	55 km/liter																			
	Honda Wave	53 km/liter																			
	Modenas Kris MR2	48 km/liter																			
	Modenas CT115s	46.73km/liter																			
Kereta	Perodua Axia	21.6 km/liter																			
	Perodua Myvi	20.5 km/liter																			
	Proton Saga	17.86 km/liter																			
14.	<p>Saya memerlukan bantuan petrol setiap bulan. Kenapa saya hanya menerima secara terkumpul untuk setiap empat bulan?</p>	<p>Secara pentadbiran, jumlahnya adalah kecil untuk dimasukkan ke dalam akaun penerima sebanyak RM30 pada setiap bulan. Di samping itu, Kerajaan ingin menggalakkan simpanan oleh penerima.</p>																			
15.	<p>Benarkah data TNB digunakan untuk menentukan kelayakan penerima subsidi petrol?</p>	<p>Tidak. Kriteria penerima hanya berdasarkan kepada Data BSH dan Data JPJ yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.</p>																			

Bil.	Soalan	Jawapan
Mekanisme Pelaksanaan PSP		
16.	Mengapa tidak jumlah subsidi dikreditkan ke MyKad kami untuk kegunaan langsung di stesen minyak?	<p>Kajian* terkini menunjukkan bantuan tunai adalah kaedah terbaik bagi membantu golongan berpendapatan rendah dalam menangani pelaksanaan reformasi subsidi bahan api.</p> <p>*“The Politics of Fossil Fuel Subsidies and Their Reform”, suntingan oleh Jakob Skovgaard dari Lunds Universitet, Sweden dan Harro van Asselt dari Stockholm Environment Institute yang diterbitkan oleh Cambridge Univerity Press, Ogos 2018.</p>
17.	Apa yang berlaku jika harga petrol RON95 lebih rendah daripada RM2.08 seliter? Adakah saya masih mendapat subsidi saya?	<p>Subsidi tidak akan diberikan sekiranya harga petrol RON95 berada di bawah RM2.08 seliter.</p> <p>Objektif subsidi adalah untuk membantu rakyat apabila harga petrol tinggi. Oleh itu, subsidi tidak diberikan apabila harga petrol berada pada kadar yang berpatutan.</p>
Semakan Kelayakan		
18.	Bagaimanakah saya menyemak status kelayakan saya?	<p>Status kelayakan boleh disemak melalui portal di psp.kpdnhep.gov.my bermula 15 Oktober 2019.</p>
19.	Sekiranya semakan mendapati saya tidak layak, bolehkah saya membuat rayuan?	<p>Ya, anda boleh membuat rayuan melalui portal di psp.kpdnhep.gov.my apabila permohonan rayuan dibuka kepada penerima BSH yang tidak layak mulai 15 Oktober 2019 sehingga 30 November 2019.</p> <p>Kategori rayuan merangkumi pengemaskinian pemilikan kenderaan atau alamat rumah; <i>opt in</i> atau <i>opt out</i> (untuk menerima atau menolak bantuan); <i>upgrade</i> atau <i>downgrade</i> kadar subsidi diterima.</p>

Bil.	Soalan	Jawapan
Pengapungan Harga Jualan Runcit Petrol RON95		
20.	Adakah harga RON95 terus ditetapkan pada RM2.08 seliter?	<p>Harga petrol RON95 akan dikekalkan pada RM2.08 sehingga 31 Disember 2019. Bermula tahun 2020, harga petrol RON95 di Semenanjung Malaysia akan diapungkan secara berperingkat (<i>gradual</i>) sehingga setara dengan harga pasaran.</p> <p>Semasa tempoh pengapungan semula harga jualan runcit petrol RON95 secara berperingkat ini, semua orang masih menikmati subsidi petrol secara pukal, namun subsidi ini adalah pada kadar yang lebih kecil.</p>
Pengecualian Kepada Rakyat di Sabah, Sarawak dan WP Labuan		
21.	Kenapa rakyat di Sabah, Sarawak dan WP Labuan tidak menerima subsidi petrol?	<p>Kerajaan mengambil kira keperluan penduduk di Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang kebanyakannya menggunakan kenderaan berkapasiti enjin yang besar dan menggunakan diesel. Oleh itu, rakyat di Sabah, Sarawak dan WP Labuan dikecualikan daripada pelaksanaan Program Subsidi Petrol dan pengapungan harga jualan runcit petrol RON95.</p> <p>Di samping itu, terdapat juga penggunaan petrol di Sabah dan Sarawak untuk bot kecil dan genset di rumah panjang. Bagi tujuan ini, rakyat di Sabah, Sarawak dan WP Labuan menikmati subsidi petrol RON95 secara pukal pada harga runcit semasa iaitu pada kadar RM2.08 seliter. Sehubungan dengan itu, bantuan tunai Program Subsidi Petrol hanya diberi kepada penerima BSH di Semenanjung Malaysia sahaja.</p>
Kesan Kenaikan Harga Petrol Terhadap Harga Barangan Lain		
22.	Harga barangan akan meningkat apabila harga petrol RON95 diapungkan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh KPDNHEP bagi mengatasi masalah ini?	<p>Sekiranya terdapat kenaikan harga yang tidak munasabah (pencatutan), orang awam boleh melaporkan kepada saluran aduan KPDNHEP melalui talian 1800-886-800, aplikasi telefon pintar EzADU, portal e-aduan dan <i>whatsapp</i> KPDNHEP 019-2794 317 atau hadir ke mana-mana pejabat KPDNHEP yang terdekat.</p>

Bil.	Soalan	Jawapan
		<p>Penguat kuasa KPDNHEP akan menjalankan siasatan berdasarkan aduan yang diterima dan boleh diambil tindakan sebagai mana yang diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011.</p>
Penangguhan PSP		
23.	Kenapa PSP ditangguhkan?	<p>Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 18 Disember 2019 telah memutuskan bahawa pelaksanaan PSP yang dijadualkan bermula Januari 2020 tidak diteruskan sehingga satu masa yang akan diumumkan kemudian. Penangguhan PSP adalah untuk memberi ruang bagi melaksanakan perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sesi penerangan dan penjelasan diteruskan dengan tujuan memberi kefahaman dan mempersiapkan rakyat menerima pelaksanaan PSP ini; dan 2. Proses pendaftaran penerima daripada kelompok M40 yang akan dikendalikan oleh MOF. <p>Selain itu, penangguhan pelaksanaan PSP adalah untuk mengelakkan kenaikan kos sara hidup golongan selain daripada kumpulan B40 apabila harga petrol RON95 diapungkan mengikut harga pasaran semasa.</p> <p>Di samping itu, penangguhan PSP ini turut memberi ruang kepada Kerajaan untuk membuat kajian lanjut berkenaan kesan pengapungan harga petrol terhadap rakyat secara lebih menyeluruh.</p>
Hal-hal Lain		
24.	Kenapa Kementerian mengambil masa yang terlalu lama untuk melaksanakan program ini?	<p>Berpegang kepada prinsip pengagihan semula subsidi yang saksama (<i>equitable redistribution of subsidy</i>) dan dasar berpandukan data (<i>data driven policy</i>), KPDNHEP memerlukan data yang tepat, lengkap dan terkini daripada pembekal data yang utama, iaitu BSH dan JPJ.</p> <p>Analisis dan kajian ke atas data yang diterima perlu dilakukan dengan teliti bagi mengenal pasti penerima PSP yang betul-betul layak.</p>

Bil.	Soalan	Jawapan
25.	Bagaimana pelaksanaan Program Subsidi Petrol bagi bukan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH)?	Sebagai mana yang diumumkan dalam Belanjawan 2020, bagi semua pemandu lain yang layak dan bukan penerima BSH, mereka akan menerima Kad95 yang membolehkan mereka menikmati subsidi petrol 30 sen per liter terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter sebulan bagi motosikal. Kad95 akan dilaksanakan secara berperingkat pada suku pertama tahun 2020.

Dikemas kini pada 6 Januari 2020

Sebarang pertanyaan sila kemukakan kepada:

Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum Kenderaan
 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
 dan Hal Ehwal Pengguna
 Aras 2, (Menara), No. 13,
 Persiaran Perdana, Presint 2,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62623 Putrajaya.
 Malaysia